

14 AUG 1996

Lim-kertas

MALAYSIA DAN CHINA AKAN BERUSAHASAMA KELUARKAN PRODUK PULPA DAN KERTAS

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama akan menandatangani satu perjanjian dengan Suruhanjaya Perancangan Negara China sebagai membuka jalan kepada usahasama mengeluarkan produk pulpa dan kertas, kata menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Kata beliau di mesyuarat mingguannya hari ini, Kabinet telah bersetuju membenarkan syarikat-syarikat China mengadakan usahasama dengan syarikat Malaysia membina kilang pulpa dan kertas untuk tujuan eksport.

"Memorandum perjanjian itu akan ditandatangani di Beijing minggu depan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena dengan lawatan beliau ke China," kata Lim kepada pemberita di sini.

Perdana Menteri akan melawatn China selama empat hari mulai 24 Ogos ini dan dijangka akan berucap kepada Perkongsian Malaysia-China

-- Dialog Beijing -- pada 26 Ogos.

Lim berkata hasrat mengadakan usahasama itu telah dinyatakan oleh Naib Presiden China Zu Rhongji semasa beliau melawat Malaysia tahun lepas. --

"Beliau (Zu) berkata China ingin menyertai usahasama bercorak konsortium bagi memulakan pelaburan berjumlah AS\$1,000 juta untuk mengeluarkan sebanyak 500,000 tan produk pulpa setahun terutamanya untuk pasaran China," kata beliau.

Lim berkata di bawah perjanjian itu syarikat usahasama China-Malaysia itu akan dibenarkan mengikat kontrak jangka panjang dengan syarikat tempatan untuk membekalkan bahan mentah.

"Ini adalah kerana syarikat tempatan dibenarkan mempunyai tanah perhutanan untuk membekal bahan mentah, syarikat asing tidak dibenarkan mempunyai kawasan tanah yang luas," kata beliau.

Lim berkata Malaysia memerlukan kurang-kurang lima kilang pengeluar kertas untuk memenuhi permintaan untuk produk itu yang semakin bertambah.

Menurut beliau Malaysia sekarang mendapat hasil berjumlah RM12,995 ribu juta setahun dari eksport produk perhutanan dan membelanjakan sejumlah kira-kira RM1,700 untuk mengimport produk pulpa dan kertas. -- BERNAMA

RAZ WAT